

PM dinasihat tunggu hingga tempoh parlimen akhir
Malaysiakini.com
October 13 ,2011
By Aidila Razak

Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Abdul Razak untuk hanya membubarkan Dewan Rakyat pada penghujung tempoh parlimen sekarang yang hanya akan berakhir pada Mac 2013.

NONEBercakap kepada wartawan di Kuala Lumpur, mantan perdana menteri itu berkata tindakan melengahkan pilihan raya umum ke-13 akan datang, akan memberi tekanan kepada kerajaan negeri pimpinan Pakatan Rakyat untuk membubarkan dewan undangan negeri serentak dengan pembubaran parlimen.

"Terdapat masalah bagi kerajaan... bagaimana jika empat negeri (di bawah Pakatan) itu tidak mahu mengadakan pilihan raya pada masa yang sama?"

"Bagi mengelakkan pembangkang mendapat advantage, kita patut adakan pilihan raya di penghujung tempoh sekarang supaya mereka tidak mempunyai pilihan tetapi mengadakan pilihan raya negeri serentak," kata Mahathir.

Beliau mengulangi gesaan yang sama yang dibuatnya di Putrajaya, semalam.

Najib mesti mengadakan pilihan raya umum sebelum tempoh parlimen sekarang berakhir pada hujung March 2013. Sebelum ini, timbul spekulasi bahawa pilihan raya umum akan diadakan tidak lama lagi.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/178525>